

1974

KUALA LUMPUR, 9 NOV. (BERNAMA) — MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYELAR PARA PELAJAR AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND KERANA +SUKA MENDENGAR ORANG-ORANG YANG MEMBURUKAN KERAJAAN ATAS SIKAP TIDAK ADILNYA TERHADAP RAKYAT NEGARA INI.+

BELIAU MENSIFATKAN PARA PELAJAR TERSEBUT YANG SUKA MENGAMBIL TAHU HAL EHWAL DALAM NEGERI MALAYSIA, SEBAGAI SAKI BAKI PEGAWAI-PEGAWAI PENJAJAH YANG BERPENDAPAT JIKA MALAYA MERDEKA IA AKAN HANCUR.

+SIKAP INI TIDAK BOLEH DIPAKAI LAGI,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR SEBELUM BERLEPAS KE JOHOR BAHRU.

BELIAU MENGULAS LAPURAN DALAM SEBUAH AKHBAR HARI INI MENGENAI TEGURANNYA TENTANG PARA PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND.

MENTERI PELAJARAN BERKATA, PARA PELAJAR KEDUA NEGARA ITU MENJADI +MARAHA+ APABILA KERAJAAN MEMBERKAS SEORANG PELAJAR MALAYSIA YANG SEDANG BELAJAR DI UNIVERSITI NEW ZEALAND BARU-BARU INI.

BELIAU MENJELASKAN, PELAJAR ITU DITANGKAP KERANA IA MEMASUKI SATU PERTUBUHAN YANG BERUSAHA KE ARAH MENJATUHKAN KERAJAAN DAN MEMBENTUK SEBUAH KERAJAAN DITAKTUR. — BERNAMA 1324/ZCM